

Transformasi Perjuangan Raja Haji Menentang Penjajahan Belanda ke Dalam Drama Bersiri Televisyen Arka Raja Haji (2014)

Transforming The Battle Between Raja Haji and The Dutch Colonial Into a Television Serial Arka Raja Haji (2014)

STEVEN ALEZENDER*, SITI NUR IZRA SAFRA' ABD HALIM &
NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH

Received: 24-12-2025 / Accepted: 8-4-2026

ABSTRAK

Drama Arka Raja Haji (ARH) adalah sebuah adaptasi peristiwa perjuangan Raja Haji dalam karya agung Melayu berjudul Tuhfat al-Nafis. Drama ini diterbitkan sebagai sebuah siri drama televisyen yang disiarkan pada tahun 2014. Naratif ARH adalah dalam bentuk drama lapan episod yang hanya mengisahkan 10% daripada keseluruhan kisah Raja Haji dalam karya agung Melayu tersebut. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti proses kreatif dalam pengadaptasian peristiwa peperangan Raja Haji dalam menentang penjajahan Belanda di Kerajaan Johor-Riau dengan tumpuan khusus terhadap aspek plot dan watak. Kajian berbentuk kualitatif dirangka dengan mensentesis dua instrumen kajian iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Data kajian diperoleh daripada siri televisyen drama ARH yang dimuat naik dalam akaun rasmi Pesona Pictures di platform YouTube dan kemudiannya dibandingkan dengan hipoteksnya iaitu Tuhfat al-Nafis dan penulisan sejarah yang lain. Teori Intertekstualiti oleh Julia Kristeva digunakan sebagai kerangka analisis bagi mencapai objektif artikel ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa watak dan plot dalam drama ARH telah melalui tiga prinsip yang digariskan dalam teori Intertekstualiti iaitu transformasi, eksistensi, dan ekspansi apabila dibandingkan dengan hipoteksnya. Drama ARH terpaksa melalui proses kreatif ini bagi disajikan dalam medium digital agar naratifnya dramatik dan menarik untuk ditonton. Implikasi kajian ini ialah dapat memberi penjelasan mengenai kaedah kreatif yang harus dilalui oleh teks klasik Melayu dan seumpamanya dalam usaha mengangkat dan merakytakan teks tersebut ke medium digital.

Kata Kunci: Adaptasi; Drama Televisyen; Intertekstualiti; Proses Kreatif; Tuhfat al-Nafis

ABSTRACT

The drama Arka Raja Haji (ARH) is an adaptation of Raja Haji's struggle as depicted in the Malay literary masterpiece, Tuhfat al-Nafis. Produced as an eight-episode television series broadcast in 2014, its narrative portrays approximately ten percent of Raja Haji's complete story from the aforementioned text. This article examines the creative process involved in adapting the events of Raja Haji's war against Dutch colonialism in the Johor-Riau Kingdom, with specific focus on plot and character. A qualitative research framework was designed, synthesizing library research and textual analysis. Research data was obtained from the ARH drama television series, uploaded to the official Pesona Pictures account on the YouTube platform, and subsequently compared with its hypotext, Tuhfat al-Nafis, as well as other historical writings. Julia Kristeva's theory of intertextuality was employed as the analytical framework. The findings indicate that the characters and plot in ARH have undergone three principles outlined in the theory—transformation, existence, and expansion—when compared to its hypotext. This creative process was necessary for the drama to be presented in a digital medium, rendering its narrative dramatic and engaging for viewers. The study implies that classical Malay texts and similar works require such creative methods to be elevated and popularized for the digital medium.

Keywords: Adaptation; Creative Process; Intertextuality; Television drama; Tuhfat al-Nafis

PENGENALAN

Tuhfat al-Nafis merupakan sebuah naskhah pensejarahan Melayu yang pada umumnya dikarang untuk merepresentasikan kerajaan Johor-Riau. Meskipun Raja Ali Haji sering disepakati oleh para bijak pandai sebagai pengarang kepada naskhah kedua terpenting selepas *Sulalat u's Salatin* ini, namun sekitar tahun 1967, timbul suatu pendapat yang mengatakan bahawa naskhah *Tuhfat al-Nafis* sebenarnya dikarang oleh dua orang anak beranak iaitu Raja Ahmad bin Raja Haji dan anakandanya, Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (Muhammad Yusoff Hashim, 2023). Dalam erti kata lain, pendapat tersebut memberi gambaran bahawa naskhah ini pada mulanya dikarang oleh Raja Ahmad bin Raja Haji dan kemudiannya diselesaikan oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad. Kepesatan tradisi mengarang di alam Melayu tempoh itu boleh dikatakan berkait rapat dengan kehadiran agama Islam yang menyebabkan berlakunya pelbagai perubahan dalam kalangan masyarakat Melayu setempat meliputi pendidikan, adat, budaya dan ilmu perubatan (Azlini Anuar Tan, Hanifah Mahat & Zuliskandar Ramli, 2025). Di samping *Sulalat u's Salatin*, karya agung Melayu ini juga turut berdiri sebagai sebuah *magnum opus* yang menyebabkannya sering dirujuk oleh para sejarawan tempatan untuk memahami sejarah rantau alam Melayu pada abad ke-18 hinggalah ke abad ke-19 (Alwi Daud, Mardiana Nordin & Abdullah Zakaria Ghazali, 2024). Hal tersebut demikian kerana kandungan naskhah ini secara keseluruhannya merakamkan mengenai sejarah kerajaan Johor-Riau yang menguasai wilayah Pahang, Selangor dan Johor. Selain dari itu, *Tuhfat al-Nafis* juga turut mendokumentasikan salasilah dan susur galur tokoh-tokoh utama dalam naskhah ini seperti tokoh daripada Pahang, Siak, Terengganu, Riau, dan Johor (Alwi Daud et. al 2024: 71).

Disebabkan naskhah ini dikarang oleh aristokrat Bugis, maka isi kandungannya cenderung mengagungkan tokoh keturunan Bugis dalam keseluruhan naratifnya. Atas sebab itu, tokoh-tokoh Bugis dilihat mendapat tempat yang cukup istimewa dalam narasi karya agung ini. Berhubung dengan itu, tokoh-tokoh aristokrat Bugis seperti Opu Bugis Lima Bersaudara dan jurai keturunan mereka diserlahkan sebagai sosok yang begitu penting dalam landskap politik kerajaan Johor-Riau menerusi sebuah jawatan khas iaitu Yang Dipertuan Muda. Selain dari itu, Raja Haji ibni Daeng Celak juga adalah antara tokoh politik yang tidak kalah pentingnya dan dikedepankan peranannya khususnya dalam era pemerintahan Sultan Mahmud III. Ketika Sultan Mahmud III menyelenggara pemerintahan kerajaan Johor-Riau, beliau yang menjawat sebagai Yang Dipertuan Muda IV terkenal dengan keberaniannya dalam memperjuangkan kedaulatan kerajaan Johor-Riau daripada hegemoni Belanda pada abad ke-18. Malangnya, perjuangan luhur beliau berakhir setelah tewas di Teluk Ketapang kepada Belanda yang akhirnya memberi dampak kepada kerajaan Johor-Riau. Nyatalah bahawa kehancuran peradaban Tanah Air ini adalah sebahagian dari sejarah penjajah dan penjajahan (Ahmad Murad Merican, 2024). Rentetan kehebatan perjuangan gemulah Raja Haji yang digelar sebagai As-Sayyid Fisabilillah tersebut, maka tidak hairanlah apabila kisah figura ini sering diangkat ke dalam bentuk filem dan drama baik di Indonesia mahupun juga Malaysia.

Di Malaysia umpamanya, hanya selepas 148 tahun kelahiran naskhah ini, perjuangan Raja Haji akhirnya didokumentasikan dalam bentuk drama bersiri televisyen yang bertajuk Arka Raja Haji (selepas ini ARH). Namun begitu, peristiwa perjuangan Raja Haji yang diangkat ke drama bersiri televisyen pada tahun 2014 tersebut sebenarnya hanyalah mengambil sebahagian kecil sahaja daripada keseluruhan naratif yang dirakamkan dalam karya agung berkenaan. Apa yang perlu diberi perhatian ialah, fakta sejarah yang tidak melebihi beberapa muka surat tersebut berjaya dikembangkan menjadi drama bersiri sepanjang lapan episod dengan durasi keseluruhan drama bersiri sepanjang 352 minit. Maka, persoalan yang ingin dijawab dalam artikel ini adalah,

“bagaimana proses kreatif menjadi instrumen penting dalam mengadaptasi peristiwa dan watak dalam teks *Tuhfat al-Nafis* ke drama bersiri televisyen?”. Selari dengan itu, makalah ini bertujuan meneliti bagaimana fakta sejarah tentang Raja Haji dikembangkan secara kreatif menjadi sebuah drama epik bersiri bertajuk *Arka Raja Haji* (2014).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Drama ARH merupakan sebuah drama epik bersiri yang memulakan tayangannya di tanah air pada tahun 2014. Walaupun sudah menjangkau usia 12 tahun penyiarannya, namun drama epik bersiri yang diadaptasi daripada teks kedua terpenting selepas *Sulalat u's Salatin* ini iaitu *Tuhfat al-Nafis* masih lagi kurang mendapat tempat dalam arus perbincangan para sarjana sebelumnya. Hal tersebut demikian kerana pengamatan awal mendapati bahawa penulisan para sarjana terdahulu banyak tertumpu kepada adaptasi teks klasik yang lain seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sulalat u's Salatin*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Hikayat Patani*.

Sehubungan dengan itu, Wan Hasmah Wan Teh (2013) umpamanya dalam makalahnya yang berjudul *Daripada Kertas Ke Layar: Transformasi Kisah Hang Tuah daripada Hikayat Hang Tuah dan Sulalat al-Salatin kepada Puteri Gunung Ledang* meneliti perbandingan antara filem Puteri Gunung Ledang dengan karya agung *Sulalat al-Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*. Makalah ini bertitik tolak daripada permasalahan tentang Hang Tuah yang sering “dihidupkan semula” berdasarkan ideologi pengarah atau keadaan masyarakat semasa. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan membandingkan filem Puteri Gunung Ledang dengan *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalat al-Salatin*. Hasil kajian mendapati bahawa karya agung *Sulalat al-Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* menjadi penggerak dan bahan utama yang menghadirkan idea untuk menghasilkan filem Puteri Gunung Ledang. Kedua-dua teks ini telah mengalami suatu bentuk tafsiran semula oleh pengarah dan juga penulis skrip filem. Makalah Wan Hasmah ini tertumpu kepada proses adaptasi karya agung dalam filem Puteri Gunung Ledang, sementara artikel ini meneliti adaptasi karya agung dalam drama ARH.

Selain itu, Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Md. Salleh Yaapar, & Sahidin Nitiphak (2015) menerusi makalah yang bertajuk *Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif* telah menganalisis perbandingan antara naskhah sejarah Kerajaan Melayu Patani dengan filem *Queen of Langkasuka* dari sudut naratif. Makalah ini bertitik tolak daripada permasalahan tentang kontroversi mengenai ketepatan adaptasi daripada sumber asalnya. Justeru, teori adaptasi (2006) oleh John M. Desmond dan Peter Hawkes diaplikasikan untuk meneliti filem *Queen of Langkasuka*. Dapatan kajian menemukan bahawa pengarah dan penulis skrip filem *Queen of Langkasuka* hanya mengaplikasikan adaptasi longgar berikutan sebahagian besar dari naratif dalam naskhah asal tidak ditampilkan ke dalam filem berkenaan. Makalah Mohamed Nazreen meneliti adaptasi karya agung dalam filem. Sedangkan, artikel ini ingin meneliti adaptasi karya agung dalam drama khususnya drama ARH.

Sementara itu, Mohamed Nazreen (2017) menerusi makalahnya bertajuk *Filem Hikayat Merong Mahawangsa: Interpretasi dan Komersialisme* mengkaji kaedah dan bentuk adaptasi yang digunakan oleh pengarah dan penulis skrip dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Makalah ini bertitik tolak daripada permasalahan tentang kontroversi mengenai ketepatan adaptasi daripada sumber asalnya. Justeru, makalah ini menggunakan teori adaptasi oleh John M. Desmond dan Peter Hawkes (2006) bagi mengenal pasti bentuk dan kaedah adaptasi yang digunakan oleh pengarah filem dan penulis skrip. Sehubungan dengan itu, dapatan makalah menemukan bahawa terdapat

beberapa watak yang ditambah dan digugurkan. Aspek plot pula turut mengalami perkara yang sama selain daripada menerima penambahan. Penulis skrip pula didapati telah merubah kesemua gaya penulisan dari teks asal dengan gaya penulisan yang lebih kekinian. Walau bagaimanapun, makalah Muhammad Nazreen memfokuskan penelitiannya terhadap adaptasi karya agung dalam filem. Sementara itu, artikel ini ingin meneliti adaptasi karya agung dalam drama khususnya drama ARH (2014).

Seterusnya, makalah bertajuk *Teater Wangi Jadi Saksi: Satu Bacaan Semula Terhadap Sejarah Setiakawan Tuah-Jebat* oleh Wan Hasmah Wan Teh (2017) mengkaji pertikaman antara Tuah-Jebat dalam karya agung *Hikayat Hang Tuah* yang dihidupkan semula melalui teater Wangi Jadi Saksi arahan dan skrip oleh U-Wei Haji Shaari. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan tentang pembikinan karya adaptasi yang tidak dapat lari daripada tafsiran serta interpretasi pengarah. Justeru, penulisan ini bertujuan menjelaskan makna adaptasi dan kesesuaian interpretasi serta bacaan semula U-Wei terhadap kisah pertikaman Tuah-Jebat melalui watak Wangi. Penulisan ini menggunakan kerangka teori intertekstualiti. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa pengarah drama pentas ini telah mengetengahkan versi pertikaman Tuah-Jebat yang berlainan daripada teks karya agung yang asal dengan menampilkan watak Wangi sebagai isteri Hang Jebat dan juga signifikan sebagai saksi kejadian pertikaman tersebut. Di samping itu, pengarah juga turut mencipta sebuah teks baharu yang meruntuhkan kenyataan yang sudah sedia diterima oleh masyarakat umum berabad-abad lama sebelum ini. Walaupun penulisan Wan Hasmah turut mengkaji adaptasi karya agung, namun penulisan tersebut memfokuskan kajiannya terhadap adaptasi karya agung dalam teater. Sedangkan, kajian ini ingin meneliti adaptasi karya agung dalam drama ARH.

Makalah Nor Hasimah Jalaluddin (2019) berjudul *Produk Media Karya Agung Malaysia* memfokuskan kajian terhadap adaptasi karya agung *Hikayat Hang Tuah* dalam anime Satria 7, buku ilustrasi *Hikayat Hang Tuah*, filem Puteri Gunung Ledang dan filem Hikayat Merong Mahawangsa. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan tentang keraguan dan pertikaian terhadap keaslian karya agung yang dipindahkan ke dalam produk media. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks bagi meneliti keaslian naratif karya agung *Hikayat Hang Tuah* yang diadaptasi dalam keempat-empat karya tersebut. Hasil kajian menemukan bahawa buku ilustrasi *Hikayat Hang Tuah* mengandungi 70% persamaan dengan karya asal. Anime Satria 7 pula hanya mengandungi sebanyak 10% persamaan dengan karya agung yang asal. Sementara itu, filem Puteri Gunung Ledang dan *Hikayat Merong Mahawangsa* pula mengalami adaptasi longgar bagi menarik perhatian penonton dan mengaut keuntungan. Makalah Nor Hasimah meneliti adaptasi karya agung dalam medium filem. Sedangkan, artikel ini ingin meneliti adaptasi karya agung dalam medium drama khususnya drama ARH.

Kajian berjudul *E-Komik Hikayat Patani: Putera Pewaris Kerajaan (Satu Analisis Tekstual, Kepentingan dan Cabaran)* oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Muhammad Nur Saiful Ghazali (2021) mengkaji adaptasi karya agung *Hikayat Patani* menerusi e-komik bertajuk *Hikayat Patani: Putera Pewaris Kerajaan*. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan tentang kelompongan kajian adaptasi terhadap e-komik. Justeru, kajian ini menganalisis seputar tekstual, kepentingan dan cabaran terhadap e-komik *Hikayat Patani: Putera Pewaris Kerajaan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kajian ini menggunakan lima prinsip komik yang diperkenalkan oleh Hall di dalam penulisannya yang berjudul *Five Essential Principles of Comics and Cartooning*. Dapatan kajian mendapati bahawa e-komik *Hikayat Patani: Putera Pewaris Kerajaan* mengandungi kelima-lima prinsip komik iaitu ekspresi, reka bentuk, gerak isyarat, dialog dan transisi. Walau bagaimanapun, makalah Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan

Muhammad Nur Saiful Ghazali meneliti adaptasi karya agung dalam medium e-komik. Sedangkan, artikel ini ingin meneliti adaptasi karya agung dalam medium drama khususnya drama ARH.

Selanjutnya, Ahmad Muziru Idham Adnan (2022) menerusi makalahnya yang berjudul *Daripada Teks Hikayat Hang Tuah Kepada Filem Adaptasi: Suatu Analisis Perbandingan Tekstual Terhadap Filem Hang Tuah (1956) dan Hang Jebat (1961)* mengupas perbezaan perspektif watak yang diberikan terhadap kedua-dua filem dalam satu peristiwa dan hikayat yang sama. Kajian ini dilaksanakan bertolak daripada permasalahan bahawa pelanggaran terhadap keinstitusian pemerintah dan simbolisme kebudayaan masih lagi kurang diwacanakan. Analisis kajian dengan menggunakan teori Tekstualiti mendapati bahawa tatkala sudut heroisme ditonjolkan dalam kedua-dua filem ia telah menyentuh secara mendasar terhadap autoriti pemerintahan dan institusi serta sosiobudaya masyarakat. Dalam konteks keinstitusian pemerintah, filem *Hang Tuah* (1956) memaparkan taat setia kepada pemerintah namun filem *Hang Jebat* (1961) pula sebaliknya. Daripada sudut sosiobudaya masyarakat Melayu pula, filem *Hang Tuah* (1956) menyuguhkan gambaran sosiobudaya masyarakat Melayu yang sopan, berbudi dan ketaatan kepada rajanya manakala filem *Hang Jebat* (1961) dilakonlayarkan dengan mengusung naratif seakan-akan antitesis.

Makalah berjudul *Hikayat Merong Mahawangsa (2011): Perbandingan Antara Teks dengan Filem* oleh Saifullizam Yahaya (2022) dihasilkan bertolak daripada permasalahan sejauh mana pemikiran dan ideologi yang dibawa dalam teks akan dikekalkan atau berlaku sebaliknya setelah diadaptasi ke medium filem. Penelitian yang dijalankan dengan membandingkan pemikiran dan ideologi antara filem dan teks asal mendapati bahawa filem *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak dapat menggambarkan secara tepat dan jitu mengenai sejarah asal usul Kesultanan Melayu Kedah. Hal tersebut disebabkan filem berkenaan yang hanya mengambil watak Raja Merong Mahawangsa dan latarnya sahaja manakala selebihnya watak raja yang sama telah dekonstruksi untuk menjadi sebuah kisah epik tersendiri.

Berdasarkan kajian lepas para ilmuwan yang dihipunkan tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa kajian lepas terhadap adaptasi karya agung kebanyakannya cenderung mengenai kaedah dan bentuk adaptasi karya agung, bacaan dan tafsiran semula karya agung yang difilemkan, keasilan naratif karya agung yang dijadikan sebagai produk media, wacana e-komik karya agung, pelanggaran adaptasi karya agung dan pengekal ideologi dalam adaptasi karya agung. Nyatalah bahawa wacana proses kreatif dalam drama ARH masih lagi kurang dibicarakan secara ilmiah oleh para inteligensia terdahulu. Sehubungan dengan itu, makalah ini sangat penting untuk memperjelaskan kaedah kreatif yang dilalui oleh teks klasik khususnya teks *Tuhfat al-Nafis* dalam usaha mengangkat dan merakytakan teks klasik ini ke media digital. Juteru, sebuah kajian mengenai proses kreatif yang dilalui oleh drama tersebut relevan dan wajar untuk dilaksanakan bukan sahaja untuk mengetengahkan drama berkenaan bahkan juga untuk memperlihatkan proses kreatif yang diimpelentasikan oleh pihak produksi agar dapat dijadikan sebagai arketaip kepada drama sejarah yang lain yang akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berorientasikan kajian kualitatif dengan menggembeleng dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Berhubung dengan itu, kaedah kepustakaan diimplementasikan dengan mengumpul bahan dan juga maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Bahan dan maklumat berupa hasil penyelidikan pengkaji terdahulu yang dimuatkan dalam buku, jurnal, tesis, makalah dan kertas seminar diteliti dan dibaca dengan rapi untuk menemukan kelompangan kajian yang ditinggalkan oleh para sarjana terdahulu di samping mengukuhkan penghujahan analisis kajian. Kesemua bahan tersebut diperoleh dengan mengunjungi Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Tun Sri Lanang serta Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sementara itu, kaedah analisis kandungan pula merujuk kepada proses menganalisis sesuatu kandungan dalam bentuk dokumen bertulis atau visual merangkumi artikel, novel, esei, majalah, ucapan politik, iklan, gambar dan sebagainya (Fraenkel Jack, R & Wallen, 1993). Menerusi penggunaan kaedah ini, sesuatu isu yang ingin dikaji dalam sesebuah kandungan akan dapat diketahui secara terperinci khususnya proses kreatif yang dilalui oleh drama ARH. Kaedah ini dilaksanakan menerusi tiga tatacara iaitu mengumpul, mengenal pasti, dan merumuskan data. Berhubung dengan itu, data penyelidikan dikumpulkan dengan membaca rapi naskhah yang bersesuaian dengan objektif kajian yang telah digariskan. Selanjutnya, data yang telah dikumpulkan pada tahap yang pertama akan dimanfaatkan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis dapatan kajian. Data yang telah dianalisis tersebut kemudiannya digunakan untuk mengemukakan sebuah rumusan dapatan kajian yang telah dijalankan. Dalam konteks tersebut, pemilihan peristiwa dan watak dalam drama ARH dilaksanakan dengan membuat catatan terhadap kesemua peristiwa dan watak dalam drama berkenaan. Selanjutnya, peristiwa dan watak tersebut dibandingkan dengan hipoteksnya iaitu *Tuhfat al-Nafis* dan juga penulisan sejarah yang lain untuk mengesan elemen transformasi, ekspansi dan eksistensi yang terlibat dalam mengangkat kisah Raja Haji ke bentuk naratif drama ARH.

Dalam pada itu, data kajian yang telah diperoleh akan dianalisis menggunakan Teori Intertekstualiti yang dikembangkan oleh Julia Kristeva daripada perbincangan awal Mikhail Bakhtin terhadap konsep dialogik. Dalam teori berkenaan, Julia Kristeva telah mengemukakan sepuluh prinsip yang mendasari teori ini iaitu transformasi, modifikasi, demitefikasi, ekserp, konversi, eksistensi, defamiliarisasi, paralel, ekspansi dan haplologi. Dalam konteks kajian ini pula, hanya prinsip transformasi, eksistensi dan ekspansi sahaja yang akan dimanfaatkan untuk meneliti proses kreatif yang dilalui oleh drama ARH.

DRAMA ARKA RAJA HAJI (2014)

Drama Arka Raja Haji merupakan sebuah drama epik pertama keluaran produksi Pesona Picture. Drama berjumlah lapan episod yang disiarkan menerusi saluran *Astro Box Office* tersebut mengadaptasi perjuangan luhur Yang Dipertuan Muda Kesultanan Johor-Riau iaitu as-Syahid Raja Haji Fisabilillah ibni Opu Daeng Chelak dalam menentang penjajahan Belanda pada abad ke-17 Masihi seperti yang dirakamkan dalam karya agung *Tuhfat al-Nafis*. Walaupun fokus drama ini berkisarkan tentang perjuangan Raja Haji, namun naratif drama epik pertama produksi Pesona Picture tersebut dimulakan jauh lebih awal lagi iaitu pada era pemerintahan Daeng Kemboja ibni

Daeng Parani sebagai Yang Dipertuan Muda ke-3 Kesultanan Johor-Riau manakala Raja Haji pada waktu itu berperanan sebagai pembantu kepada Daeng Kemboja dengan gelaran Kelana Jaya Putra.

Selanjutnya, alur naratif drama epik arahan Datuk Paduka Suhaimi Baba ini diteruskan dengan pemergian Raja Haji ke Melaka untuk menuntut beberapa perkara terkait dengan pembahagian pendapatan antara Kesultanan Johor-Riau dengan Belanda daripada Gabenor Melaka seperti yang telah dipersetujui sebelumnya. Perselisihan antara Raja Haji dengan Gabenor Melaka mulai timbul apabila berlaku ketidakadilan terhadap pembahagian pendapatan tersebut kepada pihak Kesultanan Johor-Riau. Rentetan dari itu, maka meletuslah beberapa siri peperangan antara Raja Haji dengan Belanda. Klimaks konflik bersenjata tersebut menyaksikan syahidnya beliau di Teluk Ketapang, Melaka.

Naratif drama ini tidak terhenti setelah syahidnya Raja Haji sebaliknya diteruskan lagi dengan kisah nasib kerabat Diraja Bugis apabila Sultan Mahmud III telah dipaksa oleh Belanda untuk mengusir orang Bugis daripada Bentan. Demi survival politik Bugis di Riau, Ratu Mas (isteri Raja Haji) dan keluarganya telah berundur daripada Riau untuk mendapatkan suaka politik daripada anak saudara almarhum Raja Haji iaitu Sultan Ibrahim ibni Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak yang pada ketika itu memerintah Selangor. Sepanjang dalam buruan itu, Puteri Hamidah sentiasa berusaha menyusup ke Melaka demi mendapatkan jenazah ayahandanya yang berada ditangan Belanda untuk disemadikan dengan selayaknya. Setelah menempuh pelbagai cabaran, jenazah almarhum Raja Haji akhirnya berjaya diperoleh dan disemadikan di Pulau Penyengat.



RAJAH 1. Drama Arka Raja Haji

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penelitian terhadap drama epik ARH menemukan bahawa drama ini telah melalui beberapa proses kreatif yang menyebabkannya dapat ditayangkan dengan mengandungi lapan episod secara keseluruhannya. Sentuhan kreatif oleh pihak produksi Pesona Picture tersebut dapat dikesan dengan jelas menerusi aspek watak dan perwatakan serta peristiwa dalam drama berkenaan. Kedua-dua aspek yang menerima sentuhan kreatif pihak produksi tersebut selanjutnya akan dibincangkan berdasarkan prinsip yang digariskan dalam teori intertekstualiti.

WATAK DAN PERWATAKAN

Penelitian terhadap drama ARH mendapati bahawa drama epik bersiri ini telah menerima sentuhan transformasi, eksistensi dan ekspansi oleh pihak produksi dalam mengalihkan peristiwa bersejarah yang diadaptasi ke dalam bentuk drama. Ketiga-tiga aspek yang dilalui oleh drama berkenaan berlaku melibatkan beberapa aspek penting antara lainnya seperti penyalinan nama dan perwatakan dari teks sejarah ke drama. Proses ketiga-tiga prinsip tersebut dalam drama ARH akan dibincangkan dengan rinci seperti yang dicerakinkan berikut:

1. Transformasi

Prinsip transformasi dalam Teori Intertekstualiti menurut Mana Sikana (1998) merujuk kepada suatu proses pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain. Prinsip ini dilaksanakan dengan maksud untuk menjadikan sesebuah karya baru itu bersifat lebih menarik menerusi penguguran dan penambahan fakta. Dalam konteks drama ARH, watak utama dan sampingan antogonis dalam drama berkenaan dikenal pasti dengan jelas telah melalui prinsip tranformasi dengan melibatkan penyalinan nama dan peranan watak. Watak utama antagonis yang melalui proses tersebut ialah Bruijn Timmerman manakala watak sampingan pula ialah Lemmer. Menerusi drama berkenaan, kedua-dua watak antagonis ini dikenali dengan nama seperti yang dinyatakan sebelumnya dan ia jelas bertentangan dengan nama sebenar kedua-dua figura tersebut dalam beberapa teks sejarah. Proses transformasi melibatkan penyalinan nama kedua-dua watak antagonis seperti yang diperkatakan tersebut diperincikan menerusi jadual berikut:

JADUAL 1.Transformasi Watak Antagonis

Hipoteks	Hiperteks
Oleh itu, Gerrid Panggal telah memberitahu kepada Gabenor Belanda di Melaka (Pieter Gerurdus de Bruijn)...	Babak surat daripada Batavia menyebutkan nama Gabenor Belanda sebagai Gabenor Timmerman
(Buyong Adil,1980: 151)	(Episod 2: minit 31: 43)
...diserah kepada pimpinan seorang Belanda yang menjadi ketua Mahkamah Keadilan di Melaka, bernama Arnoldus Lemker..	Babak ini memaparkan Gabenor Melaka memanggil timbalannya sebagai Lemmer
(Buyong Adil, 1980: 152)	(Episod 2: minit 14: 52)

Berdasarkan jadual di atas, proses transformasi dalam penyalinan nama ketara dilihat menerusi watak utama dan watak sampingan antogonis. Berhubung dengan itu, Gabenor Melaka ditampilkan oleh pihak produksi Pesona Picture dengan nama Bruijn Timmerman manakala dalam

Sejarah Johor yang ditulis oleh Buyong Adil (1980) pula menyatakan bahawa nama Gabenor Belanda di Melaka tempoh itu ialah Pieter Gerurdus de Bruijn. Situasi yang sama juga turut berlaku terhadap watak sampingan antagonis iaitu Lemmer yang dikenali sebagai Arnoldus Lemker dalam *Sejarah Johor* tulisan Buyong Adil (1980). Pada masa yang sama, watak sampingan antagonis Lemmer berkenaan juga tidak hanya melalui proses transformasi melibatkan penyalinan nama semata-mata sebaliknya juga peranan watak Lemmer dalam drama ARH turut melalui proses yang serupa. Perkara tersebut boleh dilihat menerusi jadual berikut:

JADUAL 2. Transformasi Peranan Watak

Hipoteks	Hiperteks
...seorang Belanda yang menjadi ketua Mahkamah Keadilan di Melaka, bernama Arnoldus Lemker..	Babak ini memaparkan Panglima Garang menyatakan jawatan Lemmer sebagai Timbalan Gabenor Belanda
(Buyong Adil, 1980: 152)	(Episod 7: minit 23:18)

Jadual yang diperturunkan di atas membuktikan dengan jelas mengenai proses transformasi yang diimplementasikan oleh pihak produksi Pesona Picture terhadap peranan watak sampingan antagonis yang bernama Lemmer. Lemmer dalam drama ARH digambarkan memegang peranan sebagai Timbalan Gebenor Belanda di Melaka namun dalam *Sejarah Johor* tulisan Buyong Adil (1980) menyatakan bahawa Arnoldus Lemker pada waktu itu sebenarnya berperanan sebagai Ketua Mahkamah Keadilan Melaka. Nyatalah bahawa watak sampingan antagonis dalam drama Arka Raja Haji telah melalui proses transformasi dari sudut peranan watak.

2. Eksistensi

Penelitian terhadap drama ARH mendapati bahawa aspek watak dan perwatakan dalam drama ini turut tidak ketinggalan dari melalui proses eksistensi. Eksistensi dalam konteks Teori Intertekstualiti merujuk kepada proses memanjangkan atau menambah cerita dengan tujuan mengada-adakan sesebuah cerita (Mana Sikana, 1994). Kehadiran prinsip ini dalam drama ARH dapat dikesan dengan begitu jelas menerusi penampilan dua watak sampingan dan lapan watak pembantu protagonis serta dua watak pembantu antagonis. Watak sampingan protagonis tersebut diwakili oleh watak seperti Panglima Garang dan Puteri Kesuma manakala watak pembantu pula ialah Maitahare, Panglima Pajung, Panglima Teluk, Panglima Hitam, Panglima Bugis, Daeng Lakani dan De'Wind. Selanjutnya, bagi watak sampingan antagonis pula terdiri daripada watak Tysen dan Nyak Puteh. Kesemua watak sampingan dan pembantu yang dinyatakan tersebut baik protagonis mahupun juga antagonis merupakan figura yang sama sekali tidak tercatat dalam sumber sejarah atau hipoteks yang berkaitan dengan perjuangan Raja Haji menentang Belanda dalam sejarah Kesultanan Johor-Riau. Dalam konteks drama ARH pula, kehadiran watak-watak berkenaan diwujudkan secara rekaan oleh pihak produksi dengan menggalas peranan mereka yang tersendiri dalam naratif perjuangan Raja Haji. Kewujudan watak rekaan ini telah dimanfaatkan oleh pihak produksi untuk tujuan pemanjangan naratif drama berkenaan sehingga berjaya menjadi lapan episod secara keseluruhannya.

3. Ekspansi

Drama ARH turut menyaksikan berlakunya prinsip ekspansi terhadap beberapa watak dalam drama berkenaan. Ekspansi merupakan prinsip yang merujuk kepada peluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks (Mohd Pozi, 2014). Berhubung dengan itu, watak sampingan protagonis seperti Sultan Mahmud III, Ratu Mas, Raja Jaafar dan Raja Hamidah umpamanya telah mengalami proses ekspansi oleh pihak produksi Pesona Picture dengan menyaksikan berlakunya pengembangan perwatakan. Watak Sultan Mahmud III misalnya tidak hanya digambarkan oleh pihak produksi sebagai aristokrat yang berpeluk tubuh di dalam istana ketika meletusnya perang sebaliknya dikembangkan sebagai seorang pemerintah yang berani turun ke medan perang untuk menyertai perjuangan Raja Haji.

Keberanian baginda yang ingin turut serta menentang Belanda tersebut menyebabkan Raja Haji terpaksa berkeras untuk memaksa baginda berundur demi kemaslahatan Kesultanan Johor-Riau yang tidak boleh hilang teraju utama disaat-saat genting. Selanjutnya, perwatakan Ratu Mas dan Raja Hamidah pula turut dikembangkan oleh pihak produksi sebagai watak wanita yang menguasai ilmu mempertahankan diri (silat). Malah, ketika meletusnya peperangan antara angkatan Kesultanan Johor-Riau menentang Belanda, Ratu Mas dan Raja Hamidah tidak hanya berdiam diri di rumah selayaknya seorang perempuan yang seharusnya dilindungi sebaliknya turun ke medan perang dengan berani untuk membantu memberikan rawatan kepada angkatan Kesultanan Johor-Riau yang tercedera angkara bedilan dan tembakan Belanda.

Kemuncak keberanian Raja Hamidah boleh dikatakan terserlah apabila beliau mencuba berkali-kali menyusup masuk ke Melaka untuk mengambil jenazah Raja Haji dari tangan Belanda agar dapat disemadikan di Pulau Penyengat. Dalam pada itu, perwatakan Raja Jaafar pula dikembangkan sebagai orang kanan Raja Haji yang terpenting dalam misi menentang Belanda. Disela-sela peperangan yang sedang meletus, Raja Jaafar digambarkan begitu berani memikul tugas sebagai utusan Raja Haji untuk membawa warkah Raja Haji kepada Gabenor Belanda yang jelas membahayakan nyawanya. Selain dari itu, watak pembantu protagonis yang mengalami proses pengembangan perwatakan boleh dilihat menerusi watak Raja Ahmad dan Raja Ali. Perwatakan kedua-dua watak ini dikembangkan menerusi peranan mereka yang terlibat secara langsung dalam angkatan Kesultanan Johor-Riau. Meskipun datang dari latar belakang aristokrat Bugis, namun kedua-dua watak ini ditampilkan sebagai pejuang yang berani dalam menyediakan logistik peperangan untuk angkatan Kesultanan Johor-Riau.

PERISTIWA

Peristiwa dalam drama ARH diteliti dengan berdasarkan struktur tiga babak seperti yang digagaskan oleh Syd Field (1990). Berdasarkan pengaplikasian teknik ini, aspek peristiwa dalam drama ARH berkenaan diteliti mengikut pecahan babak iaitu permulaan, pertengahan dan pengakhiran. Bertolak dari itu, penelitian yang dijalankan terhadap drama ARH berjaya mengenal pasti serangkaian peristiwa yang melalui beberapa prinsip seperti yang digagaskan dalam Teori Intertekstualiti iaitu transformasi, eksistensi dan ekspansi.

1. Transformasi

Pengamatan terhadap drama ARH mendapati bahawa terdapat dua peristiwa daripada *Sejarah Johor* yang ditransformasikan oleh pihak produksi Pesona Picture ke dalam drama berkenaan. Transformasi tersebut masing-masing diwakili oleh satu peristiwa di bahagian permulaan, pertengahan dan pengakhiran drama. Transformasi peristiwa pada permulaan, pertengahan dan pengakhiran drama ini dilihat ketara melibatkan aspek penyalinan idea dan watak-watak yang terlibat serta latar tempat berlakunya peristiwa berkenaan. Di bahagian permulaan drama ini, peristiwa yang melalui proses transformasi tersebut ditujahkan kepada peristiwa pelantikan Raja Haji sebagai Yang Dipertuan Muda Kesultanan Johor-Riau. Kesan proses transformasi berkenaan boleh disoroti menerusi jadual berikut:

JADUAL 3. Transformasi Permulaan Peristiwa

Hipoteks	Hiperteks
Syahdan di dalam hal yang demikian itu, maka suruhan dari Pahang pun datanglah membawa surat dari Datuk Bendahara mengatakan hal Raja Haji ada di dalam Pahang sudah dilantik di Pahang oleh Datuk Bendahara (Buyong Adil, 1980: 44)	Babak ini memerihalkan mengenai bermulanya era pemerintahan Sultan Mahmud III dalam kerajaan Johor-Riau dan melantik Raja Haji menjadi Yang Dipertuan Muda Johor-Riau untuk menggantikan Daeng Kemboja yang sudah mangkat. (Episod 1: minit 39:44)

Berdasarkan jadual yang diperturunkan tersebut, proses transformasi yang dilalui oleh peristiwa di atas tertumpu kepada peristiwa pelantikan Raja Haji sebagai yang di Pertuan Muda bagi Kesultanan Johor-Riau. Proses transformasi berkenaan jelas melibatkan penyalinan idea, watak dan latar belakang peristiwa terkait dengan pelantikan Raja Haji seperti yang diperkatakan. Perubahan dapat dikesan dengan jelas pada lokasi Raja Haji dilantik dan watak yang melantik beliau sebagai Yang Dipertuan Muda kerajaan Johor-Riau. Berhubung dengan itu, hipoteks menyatakan bahawa pelantikan Raja Haji sebagai Yang dipertuan Muda dilaksanakan di Pahang oleh Datuk Bendahara manakala hiperteks pula menggambarkan pelantikan tersebut dilakukan di istana Kesultanan Johor-Riau oleh Sultan Mahmud III.

Selanjutnya, peristiwa yang melalui proses transformasi di bahagian pertengahan drama ini pula boleh dilihat menerusi peristiwa pihak yang memberikan bantuan ketenteraan kepada Raja Ibrahim untuk mendukung serangan Raja Haji ke atas Belanda di Riau. Proses transformasi yang melibatkan penyalinan watak tersebut boleh dilihat lewat jadual berikut:

JADUAL 4. Transformasi Pertengahan Peristiwa

Hipoteks	Hiperteks
Sedang peperangan itu berlaku hampir setahun lamanya, Sultan Ibra-him yang menggantikan ayahandanya Raja Lumu (Sultan Salehuddin Selangor) bersama-sama adindanya Raja Muda Raja Nala telah mem-bantu. Sultan Ibrahim telah belayar mudik Sungai Linggi. Setelah dikumpulkannya orang Minangkabau dari Rembau dan Pedas, berangkatlah baginda ke Sungai Baharu lalu ke Batang Tiga dan membuat kubu di situ. (Virginia Matheson, 1997: 100)	Babak ini menggambarkan ketibaan bantuan daripada Aceh, Pahang dan Rembau di kubu Raja Ibrahim. (Episod 5: minit 10: 32)

Transformasi terhadap penyalinan watak dalam peristiwa di atas dapat dilihat dengan jelas menerusi pasukan yang tiba di kubu Raja Ibrahim untuk membantu Raja Haji. Jika dilihat dalam hipoteks, pasukan yang terlibat membantu Raja Ibrahim hanyalah Minangkabau, Rembau dan Pedas. Sebaliknya dalam konteks hiperteks pula, proses transformasi dilakukan dengan menyaksikan pengubahsuaian pasukan yang menyalurkan bantuan tersebut kepada Aceh, Pahang dan Rembau. Dalam pada itu, peristiwa yang turut mengalami sentuhan transformasi dalam filem ini ialah peristiwa pencarian jenazah Raja Haji selepas beliau syahid dalam serangan Belanda di Teluk Ketapang, Melaka pada bahagian pengakhiran drama. Transformasi tersebut berlaku dalam konteks penyalinan idea dan watak yang terlibat seperti jadual yang berikut:

JADUAL 5. Transformasi Pengakhiran Peristiwa

Hipoteks	Hiperteks
Syahadan kata sahibul hikayat apabila sudah alahlah Teluk Ketapang itu oleh Belanda, maka Gabernur Melaka pun menyuruhlah kapitan Melayu dan segala orang-orang tua Melaka itu mengambil mayat Raja Haji al marhum itu. (Virginia Matheson, 1997: 200)	Babak ini memerihalkan Panglima Garang yang sedang mencari dan menjumpai mayat Raja Haji di Teluk Ketapang (Episod 6: minit 40:00)

Jadual yang diperturunkan di atas memperlihatkan dengan jelas mengenai proses transformasi yang dilalui oleh peristiwa jenazah Raja Haji di Teluk Ketapang tempoh itu. Proses transformasi berkenaan berlaku melibatkan aspek penyalinan idea dan watak. Dalam konteks hipoteks, jenazah Raja Haji telah dicari dan diambil oleh kapitan Melayu dan segala orang-orang tua Melaka manakala dalam hipoteks pula jenazah Raja Haji dicari oleh Panglima Garang dalam timbunan mayat-mayat tentera kedua-dua belah pihak yang berseteru. Berdasarkan penghujahan tersebut, jelaslah bahawa peristiwa jenazah Raja Haji berkenaan telah melalui proses transformasi oleh pihak produksi.

2. Eksistensi

Aspek eksistensi boleh dikatakan sebagai satu-satunya elemen yang paling dominan dalam drama ARH. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, kewujudan proses eksistensi ini berjaya dikesan kewujudannya di ketiga-tiga bahagian babak iaitu permulaan, pertengahan dan pengakhiran. Pada babak permulaan misalnya, sejumlah 26 peristiwa yang diwujudkan oleh pihak produksi menerusi proses eksistensi berkenaan. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak tujuh peristiwa diwujudkan untuk menggambarkan konflik politik dalam kalangan pembesar Melayu-Bugis terkait dengan penabalan Sultan Mahmud Syah III sebagai pemerintah Kesultanan Johor-Riau yang kelak pada era pemerintahan baginda inilah berlakunya peristiwa peperangan antara Raja Haji dengan Belanda. Selanjutnya, baki 19 peristiwa lagi diwujudkan oleh pihak produksi yang dilihat berfungsi untuk memperkenalkan watak sampingan seperti Panglima Garang, Maitahare, Tysen dan De'wind.

Babak selebihnya pula dimanfaatkan oleh pihak produksi untuk membangunkan bibit-bibit konflik yang akan menggerakkan alur cerita seperti pengukuhan pasar di Riau rentetan Belanda enggan berkongsi keuntungan dengan Johor-Riau dan serangkaian agenda Belanda untuk memerangi Raja Haji yang cuba menyaingi Belanda di Melaka. Dalam babak pertengahan pula, sejumlah 15 peristiwa dikenal pasti telah diwujudkan oleh pihak produksi. Kesemua peristiwa ini memberikan fokus kepada peristiwa ketidakpuasan hati Belanda terhadap Raja Haji dan perbuatan

keji Belanda yang mencuba untuk membunuh Raja Haji. Bagi babak di bahagian pengakhiran pula, hanya satu sahaja peristiwa yang dikenal pasti diwujudkan menerusi proses eksistensi iaitu peristiwa penyair yang dipaksa oleh Belanda untuk mengarang *Syair Raja Haji Pengecut* selepas tewasnya Raja Haji di Teluk Ketapang.

3. Ekspansi

Dalam pada itu, drama ARH turut tidak ketinggalan dari melalui proses ekspansi dalam konteks peristiwa. Pada bahagian permulaan babak, peristiwa yang melalui proses ekspansi tersebut boleh dikenali pasti menerusi peristiwa pertemuan Raja Haji dan Daeng Kemboja dengan Ratu Mas dan Sultan Mahmud III di istana. Pertemuan yang dinyatakan dalam peristiwa ini telah dipanjangkan dengan membawa masuk watak tambahan iaitu Raja Fatimah dan Raja Bongsu yang menjaga Sultan Mahmud Syah III ketika berlakunya kemelut perebutan takhta kerajaan Johor-Riau. Berikutnya, dibahagian pertengahan proses ekspansi mengambil tempat dengan begitu dominan sekali dengan menyaksikan pengembangan pada peristiwa peperangan Raja Haji menentang Belanda. Berhubung dengan itu, peristiwa yang dikembangkan tersebut melibatkan persediaan kedua-dua angkatan untuk berperang, strategi angkatan Johor-Riau memecahkan kepungan Belanda, pengunduran Belanda, serangan kali kedua Belanda dengan bantuan daripada Batavia, tali barut yang membocorkan lokasi kubu Raja Haji dan peperangan Raja Haji menentang Belanda di Teluk Ketapang Melaka. Di babak pengakhiran pula, pihak produksi telah memanfaatkan proses ekspansi untuk memerihalkan keadaan jenazah Raja Haji ketika berada di tangan Belanda, nasib keluarga Raja Haji yang diburu oleh Belanda dan usaha keluarga Raja Haji untuk membawa pulang jenazah Raja Haji agar dapat disemadikan di Pulau Penyengat.

Berdasarkan keseluruhan perbincangan yang telah dibuat terhadap drama epik bersiri ARH, nyatalah bahawa mana-mana teks sejarah mahupun fakta sejarah, apabila diangkat ke medium digital baik filem mahupun drama tidak akan dapat terlepas daripada melalui atau menerima sentuhan proses kreatif daripada pihak produksi yang menangani kandungan digital tersebut. Proses kreatif berkenaan perlu dilakukan agar naratif teks atau fakta sejarah yang diadaptasi akan dapat bersifat dramatik dan menarik untuk dipertontonkan kepada khalayak. Hal ini terbukti menerusi analisis yang dilakukan terhadap drama ARH menerusi penerapan teori intertekstualiti terhadap drama ini yang berjaya menemukan kehadiran prinsip transformasi, ekspansi dan eksistensi dalam pembikinan drama epik bersiri ARH.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini berhasil menemukan bahawa watak dan perwatakan serta peristiwa dalam drama ARH telah melalui sebuah proses kreatif sepanjang lapan episod penayangannya. Berdasarkan lensa teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva yang diimplementasikan terhadap drama epik sejarah ini, kedua-dua aspek tersebut ditemukan telah mengalami beberapa prinsip intertekstualiti. Berhubung dengan itu, watak dan perwatakan serta peristiwa dalam drama ini telah melalui tiga prinsip intertekstualiti iaitu prinsip transformasi, ekspansi dan eksistensi. Ketiga-tiga prinsip ini telah memainkan peranan yang cukup signifikan bukan sahaja dalam memberikan sentuhan kreatif terhadap drama ini bahkan juga dilihat berupaya mengembangkan lagi naratif asal yang diadaptasi untuk sehingga menjadi lapan episod secara keseluruhannya.

Selain daripada itu, pengaplikasian teori intertekstualiti juga turut membawa kepada penemuan mengenai penggunaan fakta sejarah yang tidak begitu tepat dalam penghasilan drama ini. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis ini dapat membuktikan bahawa drama ARH telah mengalami beberapa prinsip yang meliputi transformasi, ekspansi dan eksistensi menerusi aspek watak dan perwatakan serta peristiwa yang melorongan pengesanan terhadap sejumlah hipoteks yang menjadi sumber rujukan kepada pihak produksi Pesona Picture dalam mengembangkan idea penceritaan. Menerusi pelbagai hipoteks yang dirujuk, nyatalah bahawa produksi Pesona Picture cenderung merujuk teks *Sejarah Johor* yang ditulis oleh Buyong Adil di samping teks *Tuhfat al-Nafis* sendiri yang menjadi sumber utama dalam adaptasi drama ini ke kaca televisyen tanah air.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan didedikasikan kepada Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di atas sokongan terhadap penyelidikan yang dijalankan ini.

RUJUKAN

- Ahmad Murad Merican. 2024. Tanah Air dan Rantau Berpisah Tiada: Merantau sebagai Kategori Sosiologi. *Akademika* 94(3): 530-543
- Ahmad Muziru Idham Adnan. 2022. Daripada Teks Hikayat Hang Tuah Kepada Filem Adaptasi: Suatu Analisis Perbandingan Tekstual Terhadap Filem Hang Tuah (1956) dan Hang Jebat (1961). Dlm. Norman Yusoff, Wan Hasmah Wan Teh & Fadli al-Alkiti (pnyt.). *Layar Kata Pertalian Sastera dan Filem*, hlm. 224-236. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alwi Daud, Mardiana Nordin & Abdullah Zakaria Ghazali. 2024. *Tuhfat al-Nafis* sebagai Medium Penyatuan Budaya dan Pendidikan Dua Negara. *Jurnal Melayu Sedunia* 7(1): 69-82.
- Azlini Anuar Tan, Hanifah Mahat, Zuliskandar Ramli. 2025. Seni Penjilidan Manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713. *Akademika* 95(1): 331-355.
- Buyong Adil. 1980. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Field. S. 1990. *Lakon Layar: Asas Penulisan Skrip*. Terj. Raja Omar Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fraenkel, J, R & Wallen, N, E. 1993. *How to Design Evaluate in Education*. New York: Mc Graw-Hill Inc.
- Mana Sikana. 1994. *Tuah-Jebat dalam Novel Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 1998. *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mohamed Nazreen Sahul Hamid. 2017. Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Ke Filem: Interpretasi dan Komersialisme. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Historiografi Melayu anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Persatuan Penulis Budiman Malaysia, 6-7 Mei 2017, Pahang.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Muhammad Nur Saiful Ghazali. 2021. E-Komik Hikayat Patani: Putera Pewaris Kerajaan (Satu Analisis Tekstual, Kepentingan dan Cabaran). *Jurnal Komunikasi* 37(2): 171-194.

- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Md. Salleh Yaapar, & Sahidin Nitiphak. 2015. Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8(2): 201-223.
- Mohd Pozi Haji Masurori. 2004. *Hikayat Syah Kobat: Analisis Struktur dan Intertekstualiti*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Yusoff Hashim. 2023. *Pensejarahan Melayu Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hasimah Jalaluddin. 2019. Produk Media Karya Agung Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 35(3): 228-245.
- Saifullizam Yahaya. 2022. Hikayat Merong Mahawangsa (2011): Perbandingan Antara Teks dengan Filem. Dlm. Norman Yusoff, Wan Hasmah Wan Teh & Fadli al-Alkiti (pnyt.). *Layar Kata Pertalian Sastera dan Filem* hlm. 315-330. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Virginia Matheson. 1997. *Tuhfat Al-Nafis*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Hasmah Wan Teh. 2013. Dari kertas ke layar: Transformasi kisah Hang Tuah dari Hikayat Hang Tuah dan Sulalat al-Salatin ke “Puteri Gunung Ledang”. Dlm. Halimah Mohamed Ali & Mohamad Luthfi (pnyt.). *Sastera Dalam Budaya dan Media*, hlm. 266–267. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wan Hasmah Wan Teh. 2017. “Wangi Jadi Saksi”: Satu Bacaan Semula Terhadap Sejarah Setiakawan Tuah-Jebat. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Historiografi Melayu anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Persatuan Penulis Budiman Malaysia, 6-7 Mei 2017, Pahang.

PENULIS:

STEVEN ALEZENDER (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: stevenalezender95@gmail.com

SITI NUR IZRA SAFRA' ABD HALIM
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: izrasafra@gmail.com

NUR AFIFAH VANITHA BINTI ABDULLAH
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: nurafifah@ukm.edu.my